

Nelayan Vietnam ditemui terapung

SH 29/3/2021 n/s 26

Berada pada jarak 107.2 batu nautika dari muara Tok Bali

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Seorang nelayan Vietnam ditemui terapung pada jarak 107.2 batu nautika dari muara Tok Bali, di sini pada Sabtu selepas bot yang dinaikinya dipercayai karam.

Mangsa yang dikenali sebagai Le Hoang Em, 41, ditemui tanpa pakaian oleh sebuah kapal dagang Express 93 dalam keadaan sedar dan berpaut pada pelampung.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Maritim Muhamad Nur Syam Asmawie Ya-


acob berkata, pihaknya memindahkan nelayan tersebut ke darat pada Ahad selepas menerima maklumat berhubung kejadian itu dari sebuah kapal pada jam 2.30 petang.

"Bagaimanapun, kru kapal tersebut terlebih dahulu berjaya membawa naik mangsa pada jam 11.30 pagi," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, berpandukan kepada perbualan awal antara mangsa dengan wakil kapal, nelayan tersebut memberitahu bekerja di atas sebuah bot.

Beliau berkata, mangsa memberitahu bot yang dinaikinya itu karam lima hari lalu berhampiran Pulau Nam Du, Vietnam sebelum dihanyutkan sejauh 147 batu nautika.

Katanya, mangsa telah dibawa ke Jeti Tok Bali Supply Base pada jam 9.30 pagi dan dihantar ke Klinik Kesihatan Cherang Ruku untuk menjalani ujian calitan Covid-19.



Hoang Em ditemui oleh sebuah kapal dagang Express 93 dalam keadaan sedar dan berpaut pada pelampung.

"Kita telah maklumkan penemuan nelayan itu kepada pihak kedutaan Vietnam di negara ini.

"Pihak Maritim akan men-

jalankan siasatan bagi meneliti kejadian sebenar kerana mangsa dijumpai di kawasan perairan negara dan mendakwa bot mereka bersama enam kru karam

sejak lima hari lalu," katanya.

Menurutnya, mangsa akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk proses selanjutnya.